

29 JUN 2000

Muhyiddin-Royalti

PAS GUNA ISU ROYALTI AGAR RAKYAT MARAH KERAJAAN PUSAT

KUALA TERENGGANU, 29 Jun (Bernama) -- Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin berkata PAS mengeksploitasi isu pembayaran royalti minyak kepada Terengganu semata-mata untuk membangkitkan kemarahan rakyat kepada kerajaan pusat.

"Kenyataan pemimpin PAS adalah semata-mata sentimen dan mengelirukan rakyat untuk membangkitkan kemarahan kepada kerajaan pusat...itu adalah muslihat PAS," katanya kepada pemberita selepas menghadiri pertemuan dengan anggota Umno Terengganu di Bangunan Umno di sini hari ini.

Muhyiddin juga Naib Presiden Umno berkata kerjasama antara kerajaan pusat dan rakyat Terengganu tidak pernah terhakis, malah ia banyak membantu rakyat negeri itu melalui jabatan-jabatan kerajaan persekutuan di sini.

"Soal royalti, itu antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri. Kita (Barisan Nasional) berpegang pada prinsip untuk bela rakyat dan bimbang peruntukan royalti itu, jika diberi kepada kerajaan negeri digunakan untuk orang-orang tertentu sahaja," katanya.

Naib Presiden PAS Mustafa Ali berkata dalam Harakah bahawa jika Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengkaji balik pemberian royalti minyak oleh Petronas kepada Terengganu ia seumpama mengisytiharkan perang terhadap rakyat negeri itu.

Mengulas kenyataan Mustafa itu, Muhyiddin berkata ia seolah-olah berniat buruk terhadap rakyat Terengganu sendiri sedangkan kerajaan pusat hanya bimbangkan jika wang royalti itu diberikan kepada kerajaan negeri ia dibelanjakan bukan untuk faedah rakyat.

"Kita tidak mahu apabila royalti itu disalurkan melalui kerajaan negeri dan tidak digunakan untuk kepentingan rakyat, mereka pula mendakwa kerajaan pusat tidak bertanggungjawab ke atas rakyat Terengganu," katanya.

Ditanya mengenai cadangan penggabungan Parti Keadilan Nasional dengan Parti Rakyat Malaysia (PRM), Muhyiddin berkata langkah itu sendiri menunjukkan Keadilan bukanlah parti yang benar-benar berkemampuan sebaliknya berpaut di `dahan rapuh' untuk hidup.

"Kita sendiri tahu, PRM sejak dahulu lagi ditolak oleh rakyat dan sering gagal dalam pilihan raya dengan ideologi sosialisnya yang telah lama berkubur di negara lain," katanya.

Ketika ditanya sama ada penggabungan itu petanda baik kepada Umno sendiri, beliau berkata Umno selama ini terbukti membela agama, bangsa dan negara dalam perjuangannya.

-- BERNAMA

sbs mai